

UCAPAN YANG DI-PERTUA
PERSATUAN PANDU PUTERI MALAYSIA
DATO SERI DATIN PADUKA
DR. SITI HASMAH BTE HJ. MOHD. ALI
DI MAJLIS PENYERAHAN BAS MINI OLEH SPORTS
TOTO (M) BHD., DI WISMA PANDU PUTERI
LEMBAH PANTAI, KUALA LUMPUR
PADA HARI SELASA, 7HB. NOVEMBER, 1989
PUKUL 4.00 PETANG

Y.Bhg. Tan Sri Thong Yaw Hong,
Pengerusi Lembaga Pengarah Sports Toto
(M) Bhd. ;

Puan Nik Faizah Mustapha,
Ketua Pesuruhjaya Persatuan Pandu Puteri
Malaysia;

Dif-dif Kehormat;

Puan-puan dan tuan-tuan yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam
sejahtera.

Hari ini merupakan hari yang bersejarah bagi Persatuan Pandu Puteri Malaysia kerana idaman Persatuan ini mendapatkan sebuah bas mini untuk kegunaannya telah menjadi kenyataan. Saya ingin mengalu-alukan kehadiran puan-puan dan tuan-tuan dan mengucapkan terima kasih kerana sudi hadir di majlis penyerahan sebuah lagi kenderaan kepada Persatuan Pandu Puteri.

2. Pada masa yang lalu, Persatuan ini terpaksa meminjam atau menyewa kenderaan untuk membawa ahli-ahlinya ke suatu tempat yang hendak dituju. Pada tahun 1987, sempena meraikan 75 tahun kepanduan di Malaysia, Syarikat EON telah bermurah hati mendermakan sebuah kereta Proton Saga. Ia telah sedikit-sebanyak meringankan masalah pengangkutan Persatuan ini di mana ianya digunakan untuk membawa tetamu-tetamu kenamaan yang datang serta untuk kegunaan pentadbiran.

3. Pada 18hb. November 1989 ini, ramai ahli Pandu Puteri sama ada dari dalam mahupun luar negeri akan mula tiba di Kuala Lumpur untuk menyertai Jambori Antarabangsa di negeri Melaka. Kenderaan seperti bas amatlah diperlukan untuk membawa para tetamu luar negeri daripada Lapangan Terbang Subang ke Kuala Lumpur dan seterusnya ke Melaka. Memang kena pada masanya penyerahan bas mini kepada Persatuan Pandu Puteri Malaysia pada hari ini untuk kegunaan tersebut.

4. Bagi pihak Persatuan ini, saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Sports Toto (M) Bhd. yang telah bermurah hati menyahut rayuan Persatuan ini untuk mendapatkan sebuah bas mini. Sambutan daripada Sports Toto adalah spontan dan cepat dan saya amat menghargai tindakan mereka itu.

Puan-puan dan Tuan-tuan,

5. Persatuan Pandu Puteri Malaysia sedang bergiat merancang kutipan derma untuk membina semula bangunan ibu pejabatnya yang lengkap dengan kemudahan-kemudahan latihan, penginapan dan pentadbiran ahli-ahlinya. Sebagai rancangan besar bagi tempoh 1983-1992, Persatuan ini akan menitik-beratkan latihan untuk pemimpin-pemimpin serta ahli-ahlinya dan menambahkan lagi bilangan jurulatih yang bertauliah. Sudah tentu rancangan ini memerlukan perkhidmatan daripada ibu pejabat yang sempurna dan lengkap.

6. Untuk mencapai matlamat ini, sebuah Jawatankuasa telah ditubuhkan untuk mengutip derma, baik secara jualan lencana, kad hariraya, poskad ataupun pelekat kereta kepada ahli-ahli ataupun secara rayuan kepada para dermawan dan syarikat-syarikat. Apabila usaha ini dijalankan saya merayu kepada orang ramai supaya membantu dan memberi sedikit-sebanyak sumbangan kepada Persatuan ini untuk membolehkan Persatuan ini membina bangunan ibu pejabatnya yang baru. Kepanduan adalah suatu aktiviti yang sihat bagi

beliawanis dan para pelajar sekolah dan segala usaha untuk meluaskan aktiviti kepanduan di negara ini seharusnya diberi galakan dan sokongan sepenuhnya.

Puan-puan dan Tuan-tuan sekalian,

7. Sekali lagi saya ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Sports Toto kerana telah sudi melibatkan diri dalam usaha dan rancangan Persatuan Pandu Puteri Malaysia ini. Dengan penerimaan bas mini ini saya melancarkan Tabung Wisma Pandu Puteri dengan harapan bahawa para dermawan yang budiman dan syarikat-syarikat akan membantu dengan seberapa boleh kepada Persatuan ini.

8. Akhir sekali saya mengucapkan terima kasih kepada para hadirin yang turut sama menyerikan Majlis Penyerahan Bas Mini pada hari ini.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.
